



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 12 NOVEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini, Malaysia mencatatkan bilangan kes pulih COVID-19 sebanyak **996 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **32,069 kes** (73.2 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Pecahan kes yang sembuh adalah seperti berikut:

- Sabah (543 kes);
- Selangor (225 kes);
- Pulau Pinang (108 kes);
- Wilayah Persekutuan Labuan (42 kes);
- Negeri Sembilan (38 kes);
- Sarawak (20 kes);
- Kedah (12 kes);
- Perak (4 kes);
- Terengganu (3 kes); dan
- Melaka (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Secara keseluruhannya, sehingga 12 November 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **919 kes baharu** telah dilaporkan menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **43,791 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 11,419 kes**.

Untuk makluman, negeri Sabah mencatatkan sebanyak 319 kes (34.7 peratus) daripada keseluruhan kes positif pada hari ini. Negeri-negeri di Lembah Klang pula mencatatkan sebanyak 224 kes (24.4 peratus) daripada jumlah keseluruhan. Manakala Negeri Sembilan pula mencatat 240 kes (26.1 peratus) di mana 236 kes daripadanya adalah daripada kluster-kluster sedia ada.

Sebanyak 13 kes (1.4 peratus) yang dilaporkan adalah berkaitan kluster-kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara. Ini melibatkan Kluster Penjara Seberang Perai (12 kes) dan Kluster PTS Tawau (1 kes).

Ingin dimaklumkan daripada 919 kes baharu pada hari ini, terdapat **tiga (3) kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara**. Kes-kes tersebut melibatkan dua (2) warganegara dan satu (1) bukan warganegara yang tiba dari negara:

- Indonesia (1 kes);
- Nigeria (1 kes); dan
- Arab Saudi (1 kes).

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 318 kes**

- 56 kes daripada kluster-kluster, termasuk 27 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Teluk**;
- 143 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 119 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 240 kes**

- 236 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Selangor: 174 kes**

- 122 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 37 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 63 kes**

- 55 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 47 kes**

- 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 35 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 13 daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: Lapan (8) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: Sembilan (9) kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Johor: Lapan (8) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI).

- **Melaka: Lapan (8) kes**
 - Tujuh (7) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Kedah: Tiga (3) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan**: Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya**: Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **92 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **35 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1) kes** kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **303 kes** (0.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	Kes No.	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
303	42102	Sabah	Lelaki (BWN)	66	Hospital Tawau	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga beliau.

KLUSTER YANG DIISYTIHAR TAMAT

KKM ingin memaklumkan bahawa **tiga (3)** kluster diisytiharkan tamat pada hari ini.

1. **KLUSTER PULAU**

Kluster ini melibatkan negeri Sabah. Sehingga 12 November 2020, seramai 1,036 individu telah disaring di mana 53 kes yang dikesan positif COVID-19 manakala 983 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

2. **KLUSTER BAH ROSE**

Kluster ini melibatkan negeri Kedah dan Pulau Pinang. Sehingga 12 November 2020, seramai 563 individu telah disaring di mana 11 kes yang dikesan positif COVID-19 manakala 552 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

3. **KLUSTER BAH KETIL**

Kluster ini melibatkan negeri Kedah. Sehingga 12 November 2020, seramai 490 individu telah disaring di mana 15 kes telah dikesan positif COVID-19 manakala 475 individu lagi adalah negatif. Tiada kematian dilaporkan bagi kluster ini.

KLUSTER BAHARU : KLUSTER TELUK

KKM ingin memaklumkan terdapat satu (1) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu **Kluster Teluk**. Kluster ini melibatkan daerah Kota Kinabalu di Sabah. Tiga kes indeks bagi kluster ini telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan di tempat kerja pada 9 dan 10 November 2020. Saringan kontak rapat telah mengesan sebanyak 27 lagi kes positif COVID-19. Kesemua kes telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah Bangunan Kompleks Sukan Likas

Sehingga 12 November 2020, 12 tengah hari, sejumlah 128 individu telah disaring, di mana:

- 30 kes dikesan positif COVID-19 (**27 kes baharu**);
- 97 individu dikesan negatif; dan
- Satu (1) individu masih menunggu keputusan.

HARI DIABETES SEDUNIA: “DIABETES: JURURAWAT NADI PERUBAHAN”

Pada hari Sabtu ini, bersamaan dengan 14 November 2020, kita akan menyambut Hari Diabetes Sedunia iaitu serentak dengan sambutan Hari Deepavali. Dalam pada kita memerangi COVID-19, harus diingat bahawa penyakit tidak berjangkit juga perlu dikawal. Sehingga kini, terdapat seramai 3.8 juta orang dewasa menghidap diabetes di Malaysia. Jururawat memainkan peranan sangat penting dalam aktiviti pencegahan, saringan, rawatan serta pemulihan pesakit diabetes. Bagi menghargai mereka, tema Hari Diabetes pada tahun ini ialah “Diabetes: Jururawat Nadi Perubahan”.

Dalam pada meraikan sambutan Hari Deepavali, jangan lupa untuk makan secara berhemah, patuhi SOP yang telah ditetapkan dan juga menjalani saringan kesihatan. Dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya, bermula pada jam 7.00 malam ini sehingga 15 November 2020, “*LightUpBlue@Putrajaya*” akan berlangsung di mana bangunan-bangunan dan persekitaran di Putrajaya akan dilimpahi dengan cahaya biru, sebagai tanda sokongan dan penghargaan kepada para jururawat dan lain-lain petugas barisan hadapan yang terus cekal dalam memberikan penjagaan penyakit diabetes dan penyakit-penyakit kronik yang lain terutama dalam waktu mencabar ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (*facemask*) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);

- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

12 November 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 12 NOVEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	319 (1)	21,767
SELANGOR	174	6,875
W.P. KUALA LUMPUR	49 (2)	3,286
NEGERI SEMBILAN	240	2,919
KEDAH	3	2,240
PULAU PINANG	63	1,510
W.P. LABUAN	35	1,135
SARAWAK	8	1,019
JOHOR	8	967
PERAK	9	682
PAHANG	0	395
MELAKA	8	346
TERENGGANU	0	225
KELANTAN	2	200
W.P. PUTRAJAYA	1	185
PERLIS	0	40
JUMLAH KESELURUHAN	919 (3)	43,791

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif
(12 November 2020)**

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	Jumlah Kematian
1	Cergas	Negeri Sembilan, Kelantan	Seremban, Rembau, Port Dickson, Pasir Puteh	221	724	3,092	699 (0)	25	0
2	Kaya	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Melaka, Selangor, Johor	Seremban, Port Dickson, Kuala Pilah, Lembah Pantai, Cheras, Kepong, Putrajaya, Melaka Tengah, Sepang, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat, Kluang, Kota Tinggi	51	754	2,590	331 (1)	423	0

3	Tapak Bina Damanlela	WP Kuala Lumpur, Selangor	Kepong, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras, Gombak, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	30	91	2,104	91 (0)	0	0
4	Bayan	Pulau Pinang, Kedah, Perak	Timur Laut, Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Bandar Baharu, Kubang Pasu, Kuala Muda, Kulim, Kota Setar, Kerian, Larut Matang & Selama	21	149	3,303	77 (3)	72	0
5	Jaya	Negeri Sembilan, Selangor	Seremban, Sepang	20	88	229	38 (0)	50	0

6	Usaha	Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor	Klang, Petaling, Kuala Langat, Kuala Selangor, Sepang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Segamat	19	252	620	212 (0)	40	0
7	Ria-30	Sabah	Tuaran	18	93	966	93 (0)	0	0
8	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	12	515	3,182	219 (0)	296	0
9	Lengkuk	Selangor, Negeri Sembilan	Sepang, Hulu Langat, Petaling, Seremban, Port Dickson, Rembau, Jelevu, Kuala Pilah	12	226	1,063	191 (0)	35	0
10	Intan	Pulau Pinang, Kedah	Timur Laut, Barat Daya, Kuala Muda	12	97	1,130	95 (1)	2	0

11	Permatang	Kedah, Pulau Pinang, Perak, Perlis	Kulim, Langkawi, Kota Setar, Bandar Baharu, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Utara, Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Kinta, Arau	12	64	1,506	59 (3)	4	1
12	Titian	WP Labuan	Labuan	11	61	530	30 (0)	31	0
13	Hentian	Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan	Hulu Langat, Petaling, Sepang, Klang, Gombak, Cheras, Titiwangsa, Putrajaya, Seremban	9	498	2,306	201 (2)	297	0

14	Teratai	Selangor	Klang, Kuala Selangor, Petaling, Hulu Langat	8	104	225	102 (0)	2	0
15	Berendam	Melaka, Johor	Alor Gajah, Melaka Tengah, Tangkak	7	26	2,404	25 (0)	1	0
16	Utama	Selangor, Melaka, WP Kuala Lumpur	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor, Sepang, Alor Gajah, Lembah Pantai, Titiwangsa, Kepong, Cheras	5	269	1,227	40 (0)	229	0
17	Perigi	Selangor	Klang	5	105	151	103 (0)	2	0
18	Seri Terapi	WP Kuala Lumpur, Melaka, Selangor	Kepong, Alor Gajah, Gombak	5	23	484	22 (1)	1	0

19	Tenaga	WP Labuan	Labuan	4	111	229	72 (0)	39	0
20	Buntar	Kedah, Perak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Johor, Selangor, Pulau Pinang	Kuala Muda, Kerian, Kinta, Larut Matang & Selama, Batang Padang, Hilir Perak, Kampar, Kepong, Putrajaya, Batu Pahat, Johor Bahru, Petaling, Sepang, Seberang Perai Selatan	4	80	1,222	27 (1)	53	0
21	Telipok	Sabah	Kota Kinabalu, Tuaran	4	22	164	11 (0)	11	0
22	Danau	WP Kuala Lumpur	Titiwangsa	4	13	1,672	10 (0)	3	0
23	Bina Labuan	WP Labuan	Labuan	3	49	214	30 (0)	18	1
24	Padang	Johor	Kota Tinggi	3	16	745	16 (0)	0	0
25	Saguking	WP Labuan	Labuan	2	378	3,539	168 (0)	209	1

26	Rengas	Perak, Pulau Pinang	Kuala Kangsar, Seberang Perai Selatan	2	115	513	114 (0)	1	0
27	Keladi	Selangor	Klang, Kuala Langat	2	54	354	8 (0)	46	0
28	Taman Bunga	Negeri Sembilan	Seremban, Kuala Pilah, Jelebu, Jempol	2	50	1,386	18 (0)	32	0
29	Bah Medan	Selangor	Sepang	2	44	399	27 (0)	17	0
30	Wisma Saberkas	Sarawak	Kuching	2	41	1,192	37 (0)	4	0
31	Nahaba	Sabah	Kota Belud	2	32	462	32 (0)	0	0
32	PTS Tawau	Sabah	Tawau	1	612	1,671	75 (0)	535	2
33	Greenhill	Sarawak	Kuching, Miri, Bintulu	1	88	1,486	42 (0)	46	0

34	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Gombak, Klang, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras	1	72	908	16 (0)	56	0
35	Jernih	Negeri Sembilan	Seremban, Port Dickson	1	36	124	20 (0)	16	0
36	Merbok	Selangor	Kuala Langat, Klang, Hulu Langat, Petaling, Kuala Selangor	1	35	765	13 (0)	22	0
37	Lintas	Sabah	Kota Kinabalu	1	14	33	1 (0)	13	0
38	Kube	Kelantan	Kota Bharu, Tanah Merah	1	12	434	12 (0)	0	0
39	Haven	Sabah	Lahad Datu	1	12	150	12 (0)	0	0
40	Saga	Sabah	Kota Kinabalu	1	10	56	10 (0)	0	0
41	Sepanggar	Sabah	Kota Kinabalu	1	9	95	7 (0)	2	0